

Penyerahan Kenderaan Elektrik oleh PRO-NET kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia sebagai Sokongan ke Arah Mobiliti Rendah Karbon

Memacu Pelan Mobiliti Rendah Karbon Malaysia 2021–2030

Putrajaya, 26 Ogos 2025 - PRO-NET, pengedar rasmi kenderaan Proton e.MAS dan smart Malaysia, hari ini telah menyerahkan kenderaan elektrik (EV) kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Inisiatif ini selaras dengan Pelan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) 2021–2030 serta mencerminkan komitmen PRO-NET dalam menyokong usaha Malaysia beralih ke arah sistem pengangkutan yang lebih lestari.

Majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat MOT, Putrajaya ini turut dihadiri oleh YB Anthony Loke, Menteri Pengangkutan, bersama wakil daripada PRO-NET. Beberapa jenama automotif lain juga mengambil bahagian dalam inisiatif ini. Majlis tersebut merangkumi dua aktiviti utama iaitu Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Kementerian Pengangkutan & Sambutan Ulang Tahun ke-33 Perbadanan Aset Keretapi (RAC) serta Simbolik Penyerahan Kenderaan EV kepada Kementerian Pengangkutan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Kementerian Pengangkutan.

Barisan kenderaan elektrik (EV) yang disediakan oleh PRO-NET, termasuk Proton e.MAS 7, EV No.1 Malaysia bersama smart #1 dan smart #3, memberi peluang kepada pihak berkepentingan kerajaan untuk merasai sendiri prestasi, jarak perjalanan serta potensi teknologi EV. Inisiatif ini merupakan langkah penting ke arah mencapai sasaran Malaysia bagi 15% penggunaan kenderaan elektrik menjelang tahun 2030, di samping membantu pembuat dasar memahami dengan lebih jelas manfaat dan cabaran dalam penerimaan EV. Usaha ini juga menyokong pembangunan dasar yang lebih berkesan, perancangan infrastruktur, serta strategi jangka panjang yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET berkata, “Kerjasama ini menunjukkan komitmen kami dalam memacu peralihan Malaysia ke arah mobiliti lestari. Dengan memberi peluang kepada agensi kerajaan merasai sendiri pengalaman menggunakan Proton e.MAS dan smart, kami membantu memperkukuh kefahaman serta kesiapsiagaan dalam menyambut masa depan mobiliti lestari.”

Penyerahan EV ini adalah bukti jelas komitmen PRO-NET untuk menyokong sepenuhnya peralihan Malaysia ke arah penggunaan kenderaan elektrik. PRO-NET terus teguh menyokong usaha kerajaan dalam mempromosikan pengangkutan lestari serta memacu agenda mobiliti rendah karbon negara.

- Tamat -

Mengenai Proton New Energy Technology Sdn Bhd

Ditubuhkan pada 16 Ogos 2022, PRO-NET adalah anak syarikat milik penuh Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd. PRO-NET merupakan pengedar eksklusif kenderaan Proton e.MAS di Malaysia, selain jenama smart. Misi PRO-NET adalah untuk menjadi peneraju dalam ekosistem tenaga baharu bagi penyelesaian automotif. Skop perniagaan PRO-NET merangkumi pengedaran Kenderaan Tenaga Baharu (NEV), penyediaan solusi pengecasan EV, pembekalan alat elektronik dan penyelesaian mobiliti, serta peruncitan aksesori dan barangan.

Issued by:

PRO-NET
Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng
Manager, PR & Communications
Telephone: +6012-818 7597
Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com